

Tidak wajar Dr. M berucap pada perhimpunan agung UMNO

MELAKA 14 Ogos - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak wajar diberi peluang untuk berucap pada perhimpunan agung UMNO November ini kerana ia bukan satu norma yang pernah dipraktis oleh parti.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, perhimpunan itu adalah merupakan mesyuarat agung yang membincangkan semua hal yang berkaitan pembangunan parti dan hal-hal kerajaan.

Beliau yang juga Ketua Menteri Melaka memberitahu, perhimpunan tahunan itu bukannya satu gelanggang atau tempat untuk mengkritik dan berdebat.

"Banyak lagi pihak yang komen dan kritik mengenai hal-hal kerajaan.

"Dalam hal ini, kita sama sekali tidak akan membenarkan mereka berucap dalam perhimpunan agung UMNO,"katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menghadiri majlis menandatangani perjanjian antara Liahbang Ventures Sdn. Bhd. dengan Magnificent Diagraphs (Carrefour Malaysia) dan Golden Arches Restoran Sdn. Bhd. (MacDonald's) di sini hari ini

Mohd, Ali mengulas kenyataan Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Mukhriz Mahathir semalam yang memberi saranah agar bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad diberi peluang berucap pada perhimpunan agung parti itu November ini.

Menurut Mukhriz, langkah itu diyakini dapat menamatkan pelbagai isu dan kemelut yang melanda parti tersebut.

Dalam pada itu, kata Mohd. Ali, UMNO tidak pernah mempraktikkan iaitu membenarkan mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan kerajaan untuk berucap dalam perhimpunan berkenaan.